


KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 JUN 2023

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

Sistem maklumat isi rumah diguna pakai tahun depan



SISTEM PADU dapat membantu kerajaan mengagihkan subsidi secara lebih berkesan kepada golongan sasaran. – GAMBAR HIASAN

Sistem maklumat isi rumah diguna pakai tahun depan

KUALA LUMPUR – Pangkalan Data Utama (PADU) yang menggabungkan maklumat sosio ekonomi bagi setiap isi rumah di negara ini akan mula diguna pakai tahun depan.

Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib berkata, maklumat isi rumah tersebut akan dimasukkan ke Pangkalan Data Negara dan boleh diakses oleh penganalisis sektor awam.

"Kerajaan dalam perancangan untuk memberikan akses kepada badan bukan kerajaan (NGO) dan akademia selepas data isi rumah itu melalui tapisan," katanya pada sidang Dewan Negara di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Seri Zurainah Musa mengenai penambahbaikan penyasaran kategori T20, M40 dan B40 yang akan dilaksanakan oleh PADU.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan, kerajaan akan membangunkan PADU bagi mengumpul seberapa banyak

maklumat sosio ekonomi isi rumah, sekali gus membantu kerajaan mengagihkan subsidi dan bantuan secara lebih berkesan.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, PADU akan ditubuhkan segera dan menjadi penyelaras data antara agensi-agensi sedia ada termasuk Jabatan Perangkaan.

PADU akan mengumpul maklumat di peringkat isi rumah meliputi bilangan isi rumah, rekod pendapatan, tanggungan anak isi rumah mengikut peringkat pendidikan, lokasi isi rumah dan bilangan kenderaan isi rumah.

Beliau dipetik sebagai berkata, jika mahu bercakap mengenai soal ekonomi digital dan hala tuju negara pada masa depan, maka kerajaan perlu mempunyai data lengkap.

Dalam pada itu, Hanifah berkata, PADU turut membolehkan kerajaan mengenal pasti ketirisan, sekali gus menambah baik pelaksanaan sistem subsidi kepada golongan sasaran.